

# PERTEKAD 2013 di UPM meriah

**Serdang:** Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan Program Memperkasa Tenaga Kerja Masa Hadapan Ke Arah Kesepaduan Dalam Diversiti (PERTEKAD) 2013, baru-baru ini.

Program tiga hari itu dianjurkan dengan kerjasama Laboratori Kepimpinan dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar, bertempat di Kompleks Mahasiswa UPM.

Pegawai PERTEKAD

2013, Dr Nor Wahiza Abdul Wahat, berkata program itu menyediakan landasan untuk pelajar bidang pembangunan sumber manusia meningkatkan kesedaran dan kemahiran serta berkongsi maklumat bersama pelbagai pihak ke arah memupuk kesepaduan dalam diversiti di tempat kerja.

## Pelbagai aktiviti

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung, antara lain pameran beberapa organisasi dan pertubuhan orang kurang upaya, selain forum bertajuk

'Persekitaran Kerja Inklusif, Warga Kerja Produktif'.

Turut diadakan bengkel 'Disability Equality Training' yang diselenggarakan oleh Pegawai Psikologi, Bahagian Pembangunan Orang Kurang Upaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hafiz Halim, termasuk pentomen 'Menghitung Rahmat Tuhan'.

Program juga dimeeriahkan dengan aktiviti gerai jualan serta persembahan daripada Persatuan Orang Buta Malaysia dan Independent Living & Training Centre.

*Pelbagai aktiviti diadakan bersempena dengan program PERTEKAD 2013 di UPM.*

